

KOLEJ YALE-NUS

Hampir 200 pelajar pelbagai negara bentuk Kelas 2019

SERAMAI 198 pelajar daripada pelbagai negara di seluruh dunia membentuk Kelas 2019 di Kolej Yale-NUS.

Jumlah pelajar itu memastikan kolej tersebut mengikuti rancangannya menambah saiz kelas kepada 250 pelajar dalam beberapa tahun mendatang.

Dengan kumpulan pelajar baru itu, kolej tersebut terus memperluaskan badan pelajarnya, yang kini mempunyai lebih 500 pelajar dengan pengambilan kohort ketiganya.

Kolej Yale-NUS dalam kenya-

taannya semalam berkata secara keseluruhannya, kolej itu telah menarik lebih 8,500 pemohon seluruh dunia.

Warga Singapura terus membentuk kumpulan pelajar terbesar – lebih 60 peratus – dalam pengambilan pelajar tahun ini, sama seperti dua kohort sebelumnya.

Pelajar antarabangsa pula datang dari 25 negara, termasuk buat kali pertama dari El Salvador, Jamaica dan Tunisia.

Kolej tersebut mengambil pendekatan holistik dalam menilai pemohon dan menyambut pelajar

yang mempunyai pelbagai kemahiran, yang bukan hanya mempunyai kelayakan akademik yang baik, malah mempunyai idea inovatif, semangat keusahawanan, kemahiran berkomunikasi dan terlibat dalam masyarakat.

Dekan Penerimaan Masuk dan Bantuan Kewangan Yale-NUS, Cik Kristin Greene, berkata pihaknya gembira dapat mengenali bakal pelajar mereka menerusi proses permohonan dan temu duga.

“Selain cemerlang dalam akademik, mereka mempunyai minat

dan kepercayaan yang amat pelbagai, menyumbang secara luas kepada masyarakat mereka.

“Mereka mempunyai kehairanan dan semangat bukan hanya belajar tentang diri mereka sendiri dan dunia, malah membina warisan Kolej Yale-NUS.

“Kami menanti-nantikan kehadiran mereka di kampus tidak lama lagi,” kata beliau.

Kolej tersebut menawarkan sebuah kurikulum tersendiri dan program kediaman yang menggalak pembelajaran aktif, keupayaan menyesuaikan diri dan pemikiran kritikal.